

Kolam tebatan banjir terbiar cacatkan imej bandar raya

kosmo 7/10/10



KOLAM tebatan banjir di Seksyen 7, Shah Alam tidak diselenggara sehingga mencacatkan pemandangan.

Oleh SHAMSHUL FITRI MAJID
fitri@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Kolam tebatan banjir di taman perumahan sentiasa disambut baik oleh penduduk, namun jika tidak diselenggara dengan baik, ia bertukar menjadi punca masalah pula.

Itulah yang berlaku di tiga kolam tebatan banjir di Seksyen 7 dan Seksyen 9, Shah Alam apabila ia ditumbuhi semak samun dan sampah sarap.

Malah, air juga tidak mengalir dengan lancar dan itu dikhuatiri boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Dakwa penduduk, sampah-sarap yang tersangkut di perangkap sampah juga sudah lama tidak dibersihkan.

Di Seksyen 7, berhampiran Persiaran Permai, penduduk berhampiran mendakwa kolam itu sudah sampai ke tahap mencacatkan pemandangan.

Menurut penduduk, Raodah Ismail, 25, kolam itu perlu dijaga penampilannya agar imej Shah Alam sebagai bandar raya tidak tercemar.

"Di sekitar kolam itu terdapat beberapa perumahan yang reka

bentuk cantik didirikan.

"Tapi keadaan kolam itu yang dipenuhi lalang bagaikan tidak sesuai dengan pemandangan keseluruhan kawasan," katanya.

Bagi seorang penduduk, Noryani Kassim, 28, kolam itu perlu dijaga agar dapat berfungsi terutama menjelang musim tengkujuh tidak lama lagi.

"Tidak salah jika kolam sedia ada dinaik taraf sebagai tempat memancing awam atau taman untuk berjogging," katanya.

Mohd. Azizi Abdul Shukor pula hairan mengapa belukar di kawasan kolam berhampiran Seksyen 9 tidak diberi perhatian pihak berwajib.

"Pelik juga sebab itu laluan utama menuju Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, bangunan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

"Kalau ia ditumbuhi pokok-pokok yang cantik tak apa juga. Tapi ini penuh dengan lalang," katanya.

Mohd. Azizi mencadangkan kolam itu dijadikan seperti di Taman Wetlands di Kota Kemuning.